



Praktis Ekstra Tema 13

PBD**Aspek Tatabahasa**

SP 6.2.4

Lengkapkan petikan di bawah ini dengan kata tugas yang betul.

Pembuangan sisa pepejal secara berterusan menimbulkan _____ kesan sama ada dalam jangka pendek _____ jangka masa panjang. _____ kesan yang wujud mendatangkan pelbagai masalah _____ sumber atau faktor lain dalam kitaran kehidupan. Pada asasnya, terdapat _____ faktor tertentu yang perlu dijaga dan dikawal.

Berdasarkan kajian, pembakaran terbuka melepaskan gas dioksina yang berbahaya _____ alam sekitar. Namun demikian, terdapat kesan lain yang timbul seperti gas _____ tapak pelupusan sampah hasil proses pereputan sampah _____ meletup jika dibiarkan berkumpul dalam permukaan tertutup tanpa gasnya disedut keluar. Gas metana merupakan antara gas tapak pelupusan yang lebih efektif berbanding _____ gas karbon dioksida _____ gas rumah tanaman yang menyebabkan peningkatan suhu dunia. _____, pencemaran udara akibat pembakaran di tapak pelupusan pula mengakibatkan pengurangan jarak penglihatan. Kejadian letupan dan kebakaran boleh merebak _____ kawasan berdekatan dan membahayakan manusia _____ alam sekitar.

Pemantauan Indeks Kualiti Air secara berterusan _____ penting bagi mengelakkan sumber air _____ tercemar. Sisa kimia terutamanya bahan organik yang tidak terurai boleh menyebabkan kematian dan mempunyai kesan yang kritikal jika disentuh atau dihidu. Pencemaran tanah pula boleh terjadi apabila bahan kimia bertindak mengubah komposisi semula jadi tanah. Jenis pencemaran ini terjadi apabila air tercemar _____ tapak pelupusan atau sisa industri _____ petroleum hidrokarbon, cecair, racun serangga, plumbum, dan logam berat yang lain dibebaskan secara terus ke dalam tanah.

Berdasarkan rujukan yang dibuat, kesemua penyakit tersebut terjadi apabila bahan larut lesap yang mengandungi logam berat mencemarkan sumber air dan secara tidak langsung mengganggu rantai makanan dan merosakkan fungsi dalam badan. Kesan _____ aktiviti penimbasan sampah secara terbuka atau pembuangan sampah secara haram di tempat yang tidak dibenarkan boleh menyebabkan ketidakselesaan _____ komuniti setempat. Penghasilan sisa atau sampah yang tidak dibuang atau diuruskan dengan sempurna _____ meninggalkan kesan yang kurang selesa _____ menjadi tempat pembiakan pelbagai jenis penyakit. _____, pengurusan sisa pepejal perlu dirancang dengan teliti dan sistematik agar masalah pencemaran alam dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Impak Sisa Pepejal terhadap Kesihatan' oleh Mohd Armi Abu Samah dan Mohd Bakri Ishak, Dewan Kosmik